

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]
TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 36

Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) apakah tindakan Kementerian terhadap ahli lembaga pengarah syarikat yang salah guna kuasa dalam pengurusan yang turut membabitkan ahli lembaga pengarah lain tanpa pengetahuannya; dan
- (b) adakah ahli lembaga pengarah yang menjadi mangsa ini akan diberikan pelepasan terhadap tindakan undang-undang yang dikenakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pengasingan peranan antara pemegang saham dan pengurusan operasi syarikat telah pun diamalkan oleh pihak Kementerian sebagai mana amalan tadbir urus korporat yang baik seperti yang digariskan oleh Akta Syarikat 2016 dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017. Pengasingan peranan dan tanggungjawab ini dilihat sebagai mekanisme '*check and balance*' untuk mengelakkan pertindihan tugas dan tanggungjawab serta memastikan urusan operasi syarikat ditadbir dengan baik.

Setiap Ahli Lembaga Pengarah Syarikat yang dilantik mempunyai tanggungjawab fidusiari kepada syarikat seperti yang tertakluk di bawah Seksyen 213(2), Akta Syarikat 2016.

Justeru, sekiranya terdapat aduan salah guna kuasa dalam pengurusan, pihak Kementerian akan memaklumpkannya kepada perhatian pihak syarikat dan Lembaga Pengarah bagi menjalankan siasatan lanjut untuk membuktikan kesahihan aduan tersebut. Tindakan terhadap tertuduh hendaklah dilaksanakan menurut proses dan prosedur yang tertentu dan sekiranya didapati bersalah tindakan lanjut perlu diperhalusi mengikut peruntukan Akta Syarikat 2016, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177), terma dan syarat pelantikan individu terbabit dan peruntukan undang-undang yang terpakai.

Namun begitu, sekiranya yang tertuduh merupakan ahli lembaga pengarah wakil Kerajaan, tindakan dan siasatan turut akan diambil selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Perintah Am yang berkuatkuasa.